



## 1.0 PENGENALAN

Mangga dari Malaysia dieksport ke Singapura, Brunei dan Hong Kong. Dianggarkan bahawa kadar pertumbuhan purata tahunan nilai eksport mangga ialah 19 peratus sepanjang tempoh 1992-2001. Keadaan ini menjelaskan bahawa nilai eksport mangga akan terus meningkat dari setahun ke setahun. Tiga negara pengeksport utama mangga di peringkat antarabangsa ialah Mexico, Brazil dan Pakistan. Ketika ini, Malaysia berada di kedudukan ke-21 di dalam senarai pengeksport utama dunia bagi komoditi ini.

Di Malaysia, mangga bukan sahaja dimakan ketika masak tetapi boleh dimakan ketika masih muda. Selain dimakan begitu sahaja, industri hiliran berasaskan mangga telah berkembang pesat. Keadaan ini disokong oleh permintaan ke atas produk tersebut. Sehingga kini, produk proses berasaskan mangga yang telah berada di pasaran adalah seperti jus, puri, jeruk, acar, kepingan mangga, halwa dan sebagainya.

Di Malaysia, variasi mangga terdiri daripada Golek, Masmuda, Maha 65 dan Chok Anak. Kebiasaannya, mangga jenis Chok Anan dipasarkan di luar negara. Mangga jenis Chok Anan mempunyai isi yang padat dan manis rasanya. Oleh sebab itulah, permintaan mangga jenis ini lebih tinggi jika dibandingkan dengan buah mangga jenis lain.

Berdasarkan kepada kuantiti penawaran dan permintaan mangga, dianggarkan akan wujud potensi pasaran yang perlu diterokai oleh para pengusaha, petani dan pelabur.

Menjelang tahun 2005 potensi pasaran mangga ialah 52,482MT. Ia dijangka meningkat sebanyak 39 peratus atau 81,614MT menjelang tahun 2010.

## 2.0 Tinjauan Pasaran

### 2.1 Pengenalan

Pasaran eksport utama mangga dari Malaysia ialah Singapura, Brunei dan Hong Kong. Walaupun Hong Kong merupakan pasaran eskport tradisional untuk buah-buahan tropika Malaysia, namun demikian Malaysia terpaksa bersaing dengan Filipina. Lebih daripada 50 peratus nilai import Hong Kong untuk buah-buahan tropika adalah dari Filipina di mana mangga merupakan komoditi utama yang dieksport oleh negara berkenaan. Filipina menduduki tangga ke-4 di dalam senarai pengeksport mangga di peringkat antarabangsa dan Malaysia pula di tangga ke-21.

Penggunaan per kapita mangga di Malaysia telah menunjukkan tren peningkatan dari 0.88 kg/orang/tahun (1991) kepada 2.17 kg/orang/tahun (2002). Peningkatan sebanyak 59 peratus dalam tempoh 11 tahun ini juga turut disokong oleh perkembangan industri hiliran mangga. Kemajuan teknologi yang ada juga telah membolehkan pelbagai produk proses berasaskan mangga telah berjaya dihasilkan demi memenuhi permintaan dalam mahupun luar negara. Oleh yang demikian, kilang adalah pengguna utama komoditi ini di Malaysia di mana pada tahun 2002, 50 peratus atau 21,699 MT daripada keseluruhan penggunaan mangga datangnya dari kilang.

Kawasan penanaman utama mangga di Semenanjung Malaysia ialah di Kerian dan Batang Padang, Perak dan Kubang Pasu, Kedah. Manakala kawasan penanaman utama di Sarawak pula ialah di Sri Aman dengan keluasan 247 hektar. Sepanjang tahun 2002, purata harga mangga di peringkat ladang ialah RM1.30 per kg, di peringkat borong ialah RM2.76 per kg manakala RM3.69 adalah diperingkat runcit. Harga mangga adalah stabil bagi ketiga-tiga peringkat.

### 2.2 Permintaan

#### a) Domestik

Sehingga tahun 2002, penggunaan perkapita buah-buahan tempatan telah meningkat kepada 35.37 kg/orang/tahun berbanding 32.84 kg/orang/tahun bagi tahun 2000.<sup>1</sup> Daripada jumlah tersebut, penggunaan perkapita untuk buah mangga bagi tahun 2002 ialah 2.17 kg/orang/tahun. Mangga dilihat sebagai buah yang berpotensi untuk berkembang berdasarkan kepada peningkatan dalam permintaan yang tinggi dimana pada tahun 1991, penggunaan perkapita mangga hanya 0.88 kg/orang/tahun. Tambahan pula, penggunaan perkapita bagi mangga di Malaysia pada ketika ini berada di kedudukan kelima, menunjukkan bahawa permintaan terhadap komoditi ini semakin meningkat.<sup>2</sup> Dijangkakan bahawa penggunaan perkapita mangga akan bertambah kepada 2.33 kg/orang/tahun menjelang tahun 2005.


---

<sup>1</sup> Sumber : FAMA

<sup>2</sup> Penggunaan perkapita bagi buah tempatan mengikut susunan utama bagi tahun 2002 ialah durian, tembikai, pisang mas, betik diikuti dengan mangga.

Berdasarkan kajian penggunaan FAMA pada tahun 2002, didapati Johor merupakan negeri yang paling tinggi menggunakan mangga. Pada tahun tersebut, isirumah telah menggunakan 5,223MT dan kilang pula telah menggunakan sejumlah 6,845MT. Manakala di peringkat institusi pula telah menggunakan 14MT. Selain Johor, Melaka dan Pahang juga telah dikenalpasti sebagai lokasi yang paling strategik untuk memasarkan mangga di pasaran tempatan. Kilang adalah pengguna utama bagi Melaka dan Johor

Dianggarkan bahawa penggunaan mangga di pasaran domestik akan terus meningkat kepada 55,901MT dan 93,279MT menjelang tahun 2005 dan 2010 berbanding 42,634MT bagi tahun 2002. Daripada jumlah tersebut, 50 peratus adalah penggunaan dari kilang dan selebihnya iaitu 48 peratus dan 2 peratus telah digunakan oleh isirumah dan institusi. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa selain dari digunakan secara segar, mangga kini telah diproses menjadi produk seperti jus, jeli, gula-gula, puri dan sebagainya. Carta 2.2.1 menunjukkan penggunaan mangga mengikut peringkat pengguna dari tahun 2000 hingga 2010.




Sumber : FAMA

b) Eksport

Nilai eksport mangga pada tahun 2001 terus mengalami peningkatan sebanyak 43 peratus iaitu RM9,264,935 berbanding tahun sebelumnya. Pasaran eksport utama Malaysia ialah Singapura, Brunei dan Hong Kong. Pada tahun 2001, nilai eksport mangga ke Singapura ialah RM7,465,337 dan nilai eksport mangga ke Brunei pula ialah RM1,535,236. Manakala nilai eksport mangga ke Hong Kong untuk tahun yang sama ialah RM38,746. Dianggarkan bahawa kadar pertumbuhan purata tahunan nilai eksport mangga ialah 19 peratus sepanjang tempoh 1992-2001. Carta 2.2.2 menunjukkan tren

eksport mangga dari Malaysia ke pasaran-pasaran tradisional sepanjang tahun 1992 hingga 2001.



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Selain mangga Malaysia yang telah berjaya dipasarkan di peringkat antarabangsa, masih terdapat sebilangan besar pengeluar mangga di dunia. Mexico adalah negara pengeksport terbesar dunia. Pada tahun 2000, Mexico membekalkan kira-kira 33.2 peratus daripada permintaan dunia. Kemudian diikuti oleh Brazil (10.8 peratus), Pakistan (7.8 peratus) dan Filipina (6.4 peratus). Malaysia menduduki tangga ke-21 di dalam senarai pengeksport mangga di pasaran antarabangsa. Pakistan dan Brazil telah meningkatkan jumlah eksport bagi permintaan dunia pada kadar pertumbuhan masing-masing sebanyak 27.6 peratus dan 24.9 peratus bagi tempoh 1999-2000. Pada tahun 2000, kira-kira 33.1 peratus daripada jumlah import mangga bagi negara EC diperolehi dari Brazil. Oleh yang demikian, pengeksport mangga dari Malaysia perlu bersaing dengan negara-negara pengeksport utama yang lain dengan menawarkan harga yang lebih kompetitif dan ini sekaligus dapat memperbaiki kedudukan Malaysia di dalam senarai pengeksport utama di peringkat antarabangsa.

Sepuluh Negara Pengeksport Mangga Dunia 1996-2000 (MT)

Negara	Tahun				
	1996	1997	1998	1999	2000
Dunia	404,380	483,427	535,463	568,275	622,690
Mexico	164,903	187,127	209,426	204,002	206,782
Brazil	24,186	23,370	39,186	53,765	67,172
Pakistan	18,361	25,058	40,251	37,971	48,453
Filipina	40,252	44,939	52,579	35,102	40,031
India	26,780	44,862	47,149	37,822	37,110

Netherlands	21,332	24,685	17,154	37,034	34,477
Ecuador	0	1,281	10,021	15,668	25,502
Peru	12,168	9,449	10,541	20,026	21,070
Belgium	0	0	0	0	13,965
Guatemala	8,876	9,567	10,195	10,115	12,948

Sumber : FAO STAT

c) Spesifikasi Pasaran

Variati sedia ada:-

1. MA 162 (Golek)
2. MA 165 (MAHA 65)
3. MA 204 (Masmuda)
4. MA 224 (Chok Anan)

Kehendak Pasaran :-

Saiz/Gred	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Gred A &lt; 250gm/biji (kulit licin serta tiada karat 5-10%)</li> <li>➤ Gred B &lt; 250 gm/biji (karat &gt;10% walaupun buah &gt;250gm/biji)</li> </ul>
Warna Indeks	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Indeks 2 – Hijau muda berkilat. Buah telah matang dan berwarna hijau. Sesuai untuk pasaran secara peringkat borong.</li> <li>➤ Indeks 3 – Hijau kekuningan (sesuai untuk pasaran runcit)</li> <li>➤ Indeks 4 – Kuning kehijauan (sesuai untuk pasaran)</li> </ul>
Pembungkusan	Kotak kertas
Berat bersih	10 kg
Suhu penyimpanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ 13<sup>0</sup>C (Indeks 2)</li> <li>➤ 10<sup>0</sup>C (Indeks 3 ke atas)</li> </ul>
RH	90-95%
Ketahanan	2 minggu

Sumber : FAMA

2.3 Bekalan

a) Domestik

Permintaan domestik mangga dipenuhi melalui bekalan daripada Sarawak, Perak dan Kedah. Secara keseluruhannya, pengeluaran mangga pada tahun 2000 ialah sebanyak 14,967MT.

b) Import


Permintaan mangga dunia telah menunjukkan tren meningkat dari 394,861MT pada tahun 1996 kepada 566,521MT pada tahun 2000 dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 10.9 peratus. Negara pengimport mangga terbesar di dunia adalah Amerika Syarikat dengan purata import tahunannya bagi tempoh 1996 hingga 2000 ialah 201,900MT. Lebih daripada 70 peratus kuantiti import Amerika Syarikat datang dari Mexico kerana jaraknya yang lebih dekat. Pasaran China telah meningkat kepada 32,375MT pada tahun 2000 berbanding dengan 21,600MT pada tahun 1992. China menduduki tangga ke-4 di dalam senarai pengimport utama mangga di dunia. Pasaran Asia lain adalah seperti UEA, Arab Saudi dan Singapura di mana Singapura merupakan antara 5 negara pengimport utama di Asia.

Jadual 2.2.1 : Sepuluh Negara Pengimport Mangga Dunia 1996-2000 (MT)

Negara	Tahun				
	1996	1997	1998	1999	2000
Dunia	394,861	432,948	468,812	539,807	566,521
Amerika Syarikat	171,357	186,520	197,393	219,144	235,080
Netherlands	25,298	34,021	34,613	63,398	61,856
UAE	35,472	24,000	39,000	38,000	34,800
China, Hong Kong	35,445	39,155	46,505	32,523	32,375
Arab Saudi	12,795	18,163	14,295	8,400	28,325
France	17,582	22,714	22,407	30,559	26,262
Germany	12,832	17,117	17,441	23,871	23,321
United Kingdom	15,694	17,797	18,065	22,615	22,017
Belgium	0	0	0	0	16,118
Singapura	12,108	10,626	10,711	14,041	15,113

Sumber : FAO STAT


Malaysia turut mengimport mangga dari Thailand, Filipina, Pakistan dan India. Pada tahun 2001, Malaysia mengimport 27,176MT mangga yang bernilai RM21.3juta. Thailand menguasai 95 peratus daripada keseluruhan jumlah import Malaysia. Berasaskan data 1992-2001 dan analisis regresi, unjuran import mangga oleh Malaysia pada tahun 2005 dan 2010 adalah masing-masing berjumlah 34,677MT dan 46,067MT. Manakala unjuran import mangga dari Thailand pada tahun 2005 dan 2010 adalah 32,650MT dan 43,595MT.



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

c) Kawasan Utama

Kawasan penanaman mangga yang utama di Malaysia ialah Sarawak iaitu seluas 1,287 hektar untuk tahun 2000. Daerah utama penanaman mangga di Sarawak ialah Sri Aman iaitu seluas 247 hektar. Manakala di Semenanjung Malaysia, kawasan penanaman utama mangga terletak di Perak dan Kedah. Daerah utama di Perak ialah Kerian dan Batang Padang dengan keluasan masing-masing ialah 487 hektar dan 398 hektar. Di kedah pula, kawasan penanaman mangga terluas ialah di Kubang Pasu iaitu 400 hektar. Kebiasaannya, di daerah-daerah inilah pembekal dan pengeksport mangga memperolehi bekalan mangga untuk dipasarkan kepada pemborong dan juga pengguna terakhir.



Sumber : Jabatan Pertanian, Malaysia

Sebenarnya, keluasan kawasan penanaman mangga terus mengalami peningkatan sebanyak 24 peratus iaitu 9,740 hektar pada tahun 2000 berbanding pada tahun 1999 iaitu 7,393 hektar. Pengeluaran mangga pada tahun 2000 ialah 14,967MT. Kadar pertumbuhan pengeluaran mangga ialah 5 peratus. Jadual 2.3.1 menunjukkan bahawa anggaran pengeluaran mangga untuk tahun 2005 dan 2010 masing-masing bernilai 30,104MT dan 60,550MT. Walau bagaimanapun, jumlah permintaan untuk tahun tersebut ialah 82,586MT dan 142,164MT setelah kerosakan lepas tuai diambilkira. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa permintaan melebihi penawaran. Oleh yang demikian wujud potensi pasaran (penambahan dalam pengeluaran) yang perlu diterokai oleh para pengeluar iaitu 52,482MT bagi tahun 2005 dan 81,614MT menjelang tahun 2010.

Jadual 2.3.1 :Potensi Pasaran Mangga Untuk Tahun 2005 dan 2010

	2005 (mt)	2010 (mt)
(1) Penggunaan	55,901	93,279
(2) Aliran keluar (eksport-import)	10,168	20,452
(3) Jumlah Permintaan Bersih	66,069	113,731
(4) Kerosakan Pascatuai	16,517	28,433
(5) Jumlah Permintaan Kasar	82,586	142,164
(6) Pengeluaran	30,104	60,550
<b>(7) Potensi Pasaran</b>	<b>52,482</b>	<b>81,614</b>

Sumber : FAMA

Nota:

- i. Jumlah permintaan bersih, (3)=(1) + (2)
- ii. Jumlah permintaan kasar, (5)=(3) + (4)
- iii. Kerosakan lepas tuai (4) dianggarkan 20% daripada Jumlah permintaan kasar (5), = (3)X0.2/0.8
- iv. Potensi pasaran, (7)=(5) – (6)
- v. Andaian :
  - a) Pertumbuhan eksport adalah 20% bagi 2002-2002  
25% bagi 2002-2005  
15% bagi 2005-2010
  - b) Pertumbuhan import adalah 25% bagi 2002-2002  
-5% bagi 2002-2010
  - c) Pertumbuhan pengeluaran adalah 10% bagi 2002-2002  
5% bagi 2002-2010

## 2.4 Harga

Harga mangga di peringkat ladang sepanjang tahun 2002 ialah di antara RM1 hingga RM1.68 per kg. Di peringkat borong pula, harga sekilogram mangga dijual pada kadar RM2.63 hingga RM2.97. Manakala diperingkat runcit pula, mangga dijual pada harga RM3.51 hingga RM3.90 per kg. Walaupun tren harga mangga sepanjang tahun

2002 agak stabil, namun demikian pada bulan Jun berlaku peningkatan harga mangga di peringkat borong dan runcit.

Harga eksport mangga berbeza mengikut destinasi pasaran. Harga eksport mangga ke Brunei dikenalpasti yang paling tinggi iaitu RM2.51 perkg. Manakala harga eksport mangga ke Singapura dan Hong Kong masing-masing ialah RM2.15 dan RM1.37 per kg. Sebenarnya, harga eksport mangga Malaysia murah jika dibandingkan dengan harga eksport mangga yang ditawarkan oleh Filipina. Mangga dari Filipina dijual pada harga RM4.11 di pasaran Singapura dan RM2.69 per kg di Hong Kong. Manakala di Jepun, mangga dari Filipina telah dipasarkan pada harga RM6.39 per kg. Mangga dari Filipina berjaya dipasarkan di seluruh dunia. Sebagai contoh, sebahagian besar nilai import buah-buahan tropika Hong Kong adalah datangnya dari pengimportan mangga Filipina.

Jadual 2.4.1 : Harga eksport mangga Malaysia mengikut destinasi pada tahun 2001

Destinasi	Harga RM/kg
Singapura	2.15
Brunei	2.51
Hong Kong	1.37
Purata	2.22

Sumber : Pelan Pemasaran Komoditi Mangga (2002)

Jadual 2.4.2 : Harga eksport mangga Filipina (FOB)<sup>2</sup> mengikut destinasi Pada tahun 1999

Destinasi	Harga RM/kg
Hong Kong	2.69
Jepun	6.39
Singapura	4.11
Purata	3.50

Sumber : Pelan Pemasaran Komoditi Mangga (2002)

### 3.0 Faktor Kritikal Kejayaan

#### A) PEMASARAN

##### Pasaran

Mengenalpasti pasaran sasaran dan potensi pasaran merupakan salah satu faktor penting. Kegagalan dalam mengenalpasti pasaran akan membawa kegagalan kepada pelaburan.

B) **PRODUK**

Selain kualiti produk yang tinggi memenuhi kehendak pasaran tempatan/dunia, ia juga perlu mempunyai ciri-ciri menonjol yang boleh membezakannya daripada produk lain. Ini bagi memastikan penerimaan yang kuat dalam pasaran. Produk yang akan dipasarkan sama ada domestik atau dieksport, mestilah menepati piawaian keselamatan antarabangsa.

C) **LOGISTIK**

**Infrastruktur**

Kemudahan-kemudahan lepas tuai seperti bilik sejuk, lori, rumah pembungkusan dan sebagainya adalah di antara kemudahan yang perlu disediakan bagi memastikan kelancaran urusan niaga.

D) **SUMBER MANUSIA**

Tenaga kerja yang mencukupi adalah penting terutama semasa proses membungkus dan menuai buah.

#### 4.0 **KEBAIKAN PELABURAN DI MALAYSIA**

##### **Produk**

Malaysia menduduki tangga ke-21 di dalam senarai pengeksport mangga di peringkat dunia. Ia menggambarkan bahawa mangga Malaysia seperti MA 162 (Golek), MA 165 (MAHA 65), MA 204 (Masmuda) dan MA 224 (Chok Anan) telah mempunyai permintaan yang luas di pasaran luar negara. Permintaan ke atas mangga Malaysia oleh penduduk dunia dijangka terus meningkat selaras dengan peningkatan di dalam kadar pertumbuhan penduduk dunia. Selain dijual segar, mangga juga turut berpotensi untuk dikembangkan dalam industri hiliran. Ini dapat dilihat melalui pelbagai produk proses yang dihasilkan menggunakan buah mangga seperti jeruk, halwa, acar, kerabu, serbuk, kepingan, hirisan mangga dalam sirap, puri, sos, jus, jem, jeli dan pelbagai produk lain lagi.

##### **Harga**

Harga mangga di pasaran tempatan adalah stabil di pasaran domestik. Walau bagaimanapun di pasaran antarabangsa Malaysia perlu bersaing dengan negara pengeluar utama seperti Brazil dan Filipina. Harga mangga dari Malaysia yang ditawarkan di sana masih murah jika dibandingkan dengan mangga dari Brazil dan Filipina kerana kualiti dan mutu buah tersebut adalah lebih baik. Ini memberi peluang kepada Malaysia untuk memasarkan mangga kerana harganya yang lebih murah selepas diambilkira kos-kos penghantaran dan penyelenggaraan yang terlibat.

## 5.0 PELUANG PELABURAN

### Perkhidmatan Sokongan

R&D di dalam penghasilan benih yang bermutu tinggi dan jangka hayat yang panjang

Penyelidikan di dalam bidang ini amat penting bagi memastikan mangga dari Malaysia dapat bersaing dengan mangga dari pengeluar utama. Sehingga kini, penyelidik dalam bidang ini masih kurang dan amat membimbangkan. Oleh yang demikian, pelaburan di dalam bidang ini diperlukan dan pulangnya pasti tinggi kerana dapat menghasilkan sesuatu baka yang baru lagi bermutu.

Sistem kawalan serangga

Penggunaan racun serangga yang minimum adalah penting untuk memastikan mangga dari Malaysia dapat dipasarkan ke pasaran-pasaran dunia seperti di Amerika Syarikat dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sehingga kini petani masih menggunakan racun yang agak tinggi kandungannya bagi mengurangkan serangan dari serangga perosak. Oleh yang demikian, satu sistem kawalan serangga yang bersepadu perlu diterapkan dan pelabur yang mahir di dalam bidang ini dialu-alukan untuk terlibat di dalam projek ini.

### Pengeluaran

Pengeluar/Pengurus ladang

Pengeluaran yang semakin berkurangan amat membimbangkan kerana keadaan ini akan meningkatkan nilai import bahan makanan negara ini. Bagi mengurangkan pengimportan bahan makanan, pengeluar yang berminat untuk melabur di dalam industri ini digalakkan untuk menceburkan diri memandangkan potensi pasarannya yang tinggi.

### Pemprosesan

Produk proses berasaskan mangga

Peluang untuk memasarkan produk proses berasaskan mangga memang terbuka luas. Ini adalah kerana produk proses berasaskan mangga telah dikenali ramai dan permintaannya telah sedia ada. Walau bagaimanapun, kepelbagaian dalam mengeluarkan produk berkenaan perlu ditekankan kerana terdapat pelbagai produk berasaskan mangga di pasaran.

R&D di dalam menghasilkan produk proses berasaskan mangga

Untuk memperbagaikan pengeluaran produk proses berasaskan mangga, penyelidikan diperlukan. Pengusaha/pelabur yang berjaya memperbagaikan pengeluaran dan dapat membuatkan pengguna menerima produk baru yang dihasilkan akan menerima ganjaran yang tinggi.

## Pemasaran

### Pengeksport mangga

Bagi meluaskan pasaran eksport mangga dari Malaysia, pengeksport yang berminat dialu-alukan untuk menyertai industri ini. Mangga dari Malaysia mempunyai permintaan di pasaran luar negara memandangkan pasaran mangga di sana telah mula berkembang. Keadaan ini pula disokong oleh kewujudan negara pengeluar yang kian bertambah bagi menampung permintaan ke atas komoditi ini.

### Pengimport mangga

Oleh kerana pengeluaran domestik semakin berkurangan, pengimport buah mangga dari negara-negara pengeluar yang lain dijemput untuk terlibat di dalam pasaran mangga di Malaysia. Walau bagaimanapun, harga yang ditawarkan perlulah berdaya saing.

## 6.0 KOS DAN PULANGAN

Kini, mangga bukan sahaja dipasarkan di pasar-pasar harian, tetapi turut dijual di pasaraya-pasaraya besar. Bagi memasarkan mangga ke hypermarket, kos-kos yang terlibat adalah seperti berikut:

Jadual 6.0.1 : Kos dan Pemasaran dari ladang ke hypermarket

	RM/kg
Kos buah	3.00
Kos pengangkutan	0.05
Kos pilih, gred, susut dan rosak	0.30
Kos pembungkusan	0.10
Kos operasi	0.45
Jidar pemasaran (20%)	1.00
Kos promosi dan iklan	0.10

Sumber : Laporan Pelan Pemasaran Komoditi Mangga, FAMA

Berdasarkan kepada jadual 6.0.1, di dapati jumlah kos pemasaran yang terlibat ialah RM5.00 bagi setiap kilogram mangga.

Selain dijual di pasaraya-pasaraya, mangga turut dijual kepada para pengimport yang berminat untuk memasarkan mangga dari Malaysia ke pasaran antarabangsa. Kos-kos pemasaran yang terlibat adalah seperti berikut:

Jadual 6.0.2 : Kos dan Harga Pemasaran dari ladang ke pengimport

	RM/kg
Kos buah	3.00
Kos pengangkutan (dari ladang)	0.05
Kos pengendalian	0.10
Kos pembungkusan	0.60
Dokumentasi & pengurusan	0.20
Pengendalian pelabuhan	0.10
Jidar pemasaran (20%)	0.60
Kos perkapalan	1.85
Kos kerosakan buah dalam perjalanan (10%)	0.30
Kos promosi dan iklan	0.05

Sumber : FAMA

Jumlah kos pemasaran yang terlibat bagi memasarkan kepada pengimport buah mangga ialah RM6.25 per kg.